

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

FIVE IMPORTANT TIPS TO HELP NOVICE
ATHLETES IN SPORTS CONFIDENCE

Turmeric & Coffee

The Suprising Ingredient Generating Short-Pulsed Laser

EMAIL CARBON FOOTPRINT

A SOURCE FOR GREENHOUSE GASES EMISSIONS

Creating Happiness

IN WORK AND LIFE IN SOCIETY: A RELIGIOS PERSPECTIVE

Teknik Pengucapan

BARACK OBAMA

eISSN 2600-9811



Publication Date
7 November 2023

Oleh:
FATHIYAH ISMAIL¹
NUR SYIKRI HARUN²

¹Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

²Akademi Pengajian Bahasa

Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

*Emel koresponden: fathi260@uitm.edu.my

Kaedah kita dibesarkan boleh dikatakan berbeza antara satu sama lain. Walaupun mungkin ada sedikit sebanyak persamaan, lain ibu dan ayah, maka lainlah juga kaedahnya.

Aku sendiri masih bergelut sebenarnya, antara menggunakan kaedah lama dan memodenkan praktis dulu-dulu supaya bersesuaian dengan anak-anak zaman sekarang. Namun begitu, banyak kisah yang masih kekal di ingatanku. Maka aku terpanggil untuk coretkan dan kongsiikan di sini.



"Tinggalkan baldi tu untuk nenek".

Kisah ini abang sulungku pernah kongsi satu ketika dahulu. Seusai mengerjakan sawah di Simpang Empat, Alor Setar, arwah ayah dan abang singgah ke rumah arwah nenek sebelah emak. Mereka bertanya khabar dan belikan barang-barang keperluan nenek. Biasalah, lepas ke sawah, banyaklah peralatan diangkut sekali. Antaranya baldi baharu yang ayah beli untuk mengisi baja. Semasa hendak bersiap balik, nenek bertanya kepada ayah, *"Kat mana ceq beli baldi tu Ismail? Elok mak tengok"*. *"Kat kedai Cina Tanah Merah, mak"*, jawab ayah. Sejurus selepas tu, ayah terus berpesan kepada abang, *tinggalkan Sahaja baldi itu untuk nenek. Namun, abangku kehairanan. Dalam hatinya berkata, kan ayah baru saja maklumkan kedai mana untuk nenek beli nanti. Kata ayah, "Bila nenek dah bertanya tu, maknanya nenek berkenan la tu. Hadiahkan saja. Boleh saja kita singgah beli yang baru nanti"*. Terdiam abangku. *"Hidup jangan berkira"*, kata ayah. *"Lebih-lebih lagi dengan ibu bapa"*, ujarnya lagi. Selain itu, antara yang aku pernah perasan sepanjang aku adalah setiap kali abang chik (abang kedua) aku memakai baju abang Mad (abang bongso), maka haruslah abang Mad tak akan ambil semula baju itu. Diberinya terus kepada abang Chik. Sangkanya kalau abang Chik suka, maka ambil sahajalah. Benar, duit boleh dicari. Ini kerana menghadihkan sesuatu meskipun kecil boleh menyemai kasih-sayang dan ingatan berpanjangan.

"Peluk abang, kakak dan adik. Sayang pipi tu..."

Ayah akan selalu berpesan, setiap kali nak berpisah atau kami adik-beradik mahu ke mana-mana, jangan lupa memeluk satu sama lain. Jangan lupa kucup pipi atau dahi adik-adik. Bagi orang Kedah, kucup atau cium pipi itu disebut sayang (*"sayang pipi"*). Masih terngiang-ngiang di telinga suara ayah, *"Haaa...salam abang, salam kakak, jangan lupa peluk dan sayang*

pipi adik". Kenapa ayah sentiasa pesan macam tu? Rupa-rupanya, kaedah itu mengeratkan hubungan, terasa sentiasa ada dan dekat di jiwa.

"Fikri, esok naik bas. Hantar duit kat adik di asrama".

Pagi-pagi lagi abang Chik dah bersiap sebab malam tadi ayah dah pesan, esok jangan lupa ke Sungai Petani untuk tolong hantarkan duit belanja sama ada kepada abang Mad atau mungkin kepada kak Chik di asrama. Kenapa ayah tak pergi sendiri? Kan senang kalau ayah naik motor. Cepat sikit sampainya. Kalau abang Chik naik bas, mahu dua-tiga kali kena tukar bas baru sampai. Tetapi itu lagi satu kaedah yang ayah pakai untuk mendidik anak-anak. Masih teringat lagi kak Chik pernah bercerita. Sebaik sahaja ternampak abang Chik menunggu di pondok wakaf di tepi asrama, terus kak Chik berlari dan memeluk abang Chik kuat-kuat. Jauh abang Chik berjalan dari hentian bas ke kawasan sekolah. Berpeluh-peluh tukar bas dan jalan kaki semata-mata untuk hantar duit belanja untuk adik-adik.

Pernah juga abang Chik tunggu lama sebab abang Mad keluar outing di hujung minggu bersama kawan-kawan. Yelah... Tidak terjangka yang abang Chik akan datang. Zaman tak ada telefon. Bergenang juga air mata abang Mad tengok abang Chik berjam-jam menunggu di bawah pondok menunggu.

Apabila dikenang semula, semua itu pengikat kasih-sayang. Kisah seorang ayah yang secara halus dan dalam diam menyemai ikatan. Ikatan yang perlu dijaga supaya kekal terjalin meskipun ayah sudah tiada suatu hari nanti. Semoga apa yang disemai semasa kecil akan sentiasa dipegang dan dibawa sehingga ke hari tua.

...





BizNewz 2023
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com